

**ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN
APLIKASI KALENDAR FIQH HAID DALAM
KALANGAN MAHASISWI DI INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI**
**Needs Analysis for The Development of Fiqh
Menstruation (*Hayd*) Calendar Application
Among Female Students in Higher Education**

Nur Fatin Nabilah Shahrom*

Marina Abu Bakar**

Nurliyana Mohd Talib***

Nurtihah Mohamed Noor****

Hawwa Abdul Mokti*****

* Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM Perlis Branch, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. (Corresponding Author) E-mail: fatinnabilahshahrom@uitm.edu.my

** Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM Perlis Branch, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. E-mail: marinaab@uitm.edu.my

*** Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM Perlis Branch, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. E-mail: liyanatalib@uitm.edu.my

**** Senior Lecturer, Faculty of Computer and Mathematical Sciences, UiTM Perlis Branch, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. E-mail: nurtihah@uitm.edu.my

***** Senior Lecturer, Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. E-mail: hawwa@uum.edu.my

Nor Musfirah Mohamad*****

ABSTRACT

Issues related to female vaginal bleeding, including menstruation (hayḍ), postnatal bleeding (nifas), and irregular bleeding (istihādah), hold significant importance in Islamic jurisprudence as they directly affect a Muslim woman's religious obligations, such as prayer, fasting, and acts of worship. Despite having a generally high level of basic knowledge regarding female vaginal bleeding, many Muslim women still face challenges in applying this knowledge to real-life situations, especially when encountering irregular menstrual patterns. This study examines Muslim women's levels of knowledge, situational understanding, and self-confidence regarding issues of female vaginal bleeding and evaluates the need for developing a menstrual bleeding identification calendar application grounded in the Shafi'i school of Islamic jurisprudence among female university students in Malaysia. Employing a quantitative research design, data were collected through a structured questionnaire administered to 411 Muslim female respondents and analysed using descriptive and inferential statistical methods. The results indicate that respondents demonstrate a high level of general knowledge of female bleeding. However, their situational understanding and self-confidence are comparatively moderate, particularly when managing irregular menstrual patterns and differentiating types of bleeding with religious implications. Although more than half of the

***** Lecturer, Faculty of Islamic Studies, Tuanku Syed Sirajuddin International Islamic University, 02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia. E-mail: musfirah@unisiraj.edu.my

respondents reported prior use of menstrual tracking applications, most were relatively recent users, and existing applications were found to lack sufficient integration of Islamic legal guidance. Furthermore, respondents exhibited a high degree of readiness and trust in mobile applications informed by Islamic jurisprudential principles, with strong expectations for features such as automated tracking, Shafi'i-based legal guidance, consultation support, and user-centred design. Overall, the findings underscore the need for a jurisprudentially grounded digital tool that integrates Islamic legal reasoning with menstrual tracking functionality, serving both as practical religious support and as an educational resource for contemporary Muslim women, in alignment with the objectives of Maqasid al-Shariah, particularly the preservation of religion (hifz al-din).

Keywords: *Menstrual Tracking Technology, Fiqh Ḥayḍ, Female Students, Shafi'i Jurisprudence, Higher Education*

PENDAHULUAN

Permasalahan rumit berkaitan penentuan jenis darah wanita sama ada ianya darah haid, *Istihādah* mahupun fasad merupakan satu permasalahan yang sering dihadapi oleh kaum wanita Islam di Malaysia. Kerumitan berkaitan permasalahan penentuan darah ini memberi impak besar kepada kaum wanita Islam terutama dalam isu kesempurnaan sesuatu ibadah khusus seperti solat dan puasa. Justeru itu, kajian ini akan mengetengahkan keperluan pembinaan aplikasi kalendar penentuan darah sebagai salah satu medium yang dapat memberi penyelesaian kekeliruan dan keraguan yang dihadapi oleh wanita Islam yang telah mencapai akil baligh menurut syarak. Pembangunan aplikasi kalendar penentuan darah untuk wanita Islam pada platform mudah alih ini dapat menangani keperluan kritikal untuk pendidikan dan pemerkasaan dalam pengurusan haid mengikut garis panduan Syariah dalam kalangan wanita Islam.

Oleh itu, kajian ini meneliti tahap pengetahuan, kefahaman situasi dan keyakinan diri wanita Muslim berkaitan isu darah wanita serta menilai keperluan pembangunan aplikasi kalendar

pengenalpastian pendarahan haid berasaskan mazhab Syafi'i dalam kalangan mahasiswi di Malaysia dengan menggunakan pendekatan secara kuantitatif menggunakan teknik soal selidik. Kajian ini berbentuk deskriptif dan dapatan kajian akan dilaporkan dalam bentuk peratusan, kekerapan, min dan sisihan piawai. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini dengan memilih responden dalam kalangan mahasiswi Islam di peringkat institusi pengajian tinggi.

KAJIAN LITERATUR

Definisi Haid Dan *Istihādah* Menurut Imam Syafie

Haid didefinisikan sebagai darah tabii yang keluar dari faraj seorang perempuan pada waktu-waktu tertentu setelah mencapai umur yang membolehkan berlakunya haid. Menurut mazhab Syafi'i, hukum haid hanya diberikan apabila darah yang keluar memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak, antaranya berlaku pada masa yang berkemungkinan haid serta mencapai tempoh minimum yang ditentukan. Tempoh minimum haid menurut fuqaha Syafi'iyah ialah sehari semalam, iaitu bersamaan dengan 24 jam, manakala tempoh kebiasaan haid adalah enam atau tujuh hari. Sementara itu, tempoh maksimum haid ditetapkan selama lima belas hari lima belas malam, dan sebarang darah yang keluar melebihi tempoh tersebut tidak lagi dihukumkan sebagai haid.¹

Istihādah pula ditakrifkan sebagai darah yang keluar dari rahim wanita, namun tidak memenuhi kriteria haid sama ada daripada sudut tempoh, masa atau umur. Para fuqaha mazhab Syafi'i menjelaskan bahawa *istihādah* dianggap sebagai darah penyakit atau darah yang jarang berlaku, dan penentuannya dibuat secara tidak langsung melalui pengecualian terhadap syarat-syarat haid.

Antara keadaan yang dihukumkan sebagai *istihādah* ialah darah yang keluar sebelum mencapai umur minimum haid, iaitu sebelum sembilan tahun *qamariyyah* secara anggaran (*taqrībiyyah*), serta darah yang keluar melebihi had maksimum haid, iaitu lebih daripada lima belas hari lima belas malam. Dalam keadaan ini,

¹ Aḥmad ibn Muḥammad Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuḥfat al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj* (Beirut: Dār Ṣādir, t.t), 1:383-398.

wanita tersebut diklasifikasikan sebagai wanita *mustahāḍah* kerana darah *Istihāḍah* telah bercampur dengan tempoh suci dan haidnya.²

Mazhab Syafi'i telah menetapkan bahawa umur minimum yang memungkinkan berlakunya haid ialah sembilan tahun *qamariyyah taqrībiyyah*. Istilah *taqrībiyyah* merujuk kepada pengiraan secara hampir atau anggaran. Sebagai contoh, seorang wanita mengeluarkan darah selama 1 hari (24 jam), kemudian darah tersebut berhenti dan dia berada dalam keadaan suci selama 15 hari berturut-turut. Dalam senario ini, jumlah keseluruhan kitaran tersebut (1 hari darah + 15 hari suci) telah genap mencecah 16 hari. Oleh itu, darah yang keluar selama sehari itu dihukumkan sebagai darah haid yang sah kerana ia telah memenuhi syarat minimum tempoh haid (24 jam) dan diikuti dengan tempoh minimum suci yang lengkap (15 hari). Penetapan ini dibuat berdasarkan pemerhatian fuqaha terhadap kebiasaan biologikal wanita serta prinsip berjaga-jaga (ihtiyat) dalam penentuan hukum ibadah, khususnya yang melibatkan kesahihan solat dan puasa.³

Permasalahan Berkaitan Darah Wanita

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa kekeliruan dalam penentuan hukum darah wanita merupakan isu berpanjangan yang berpunca daripada kelemahan pendidikan asas fiqh darah wanita. Analisis terhadap kurikulum Pendidikan Islam di peringkat rendah dan menengah mendapati kandungan pengajaran hanya tertumpu kepada pengenalan istilah seperti haid, nifas, *istihāḍah* dan wiladah tanpa perincian hukum, kaedah pengiraan tempoh suci dan pengecaman jenis darah secara praktikal. Justeru, permasalahan ini menjejaskan kefahaman pelajar selepas mencapai usia baligh.⁴ Dapatan ini disokong oleh kajian dalam kalangan siswi universiti yang menunjukkan tahap kefahaman terhadap fiqh taharah masih

² Abū Ishāq Ibrāhīm ibn ‘Alī al-Shīrāzī, *Al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi’ī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 1:76-90. Lihat juga Muhammad al-Khatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj ila Ma‘rifah Ma‘ani Alfaz al-Minhaj* (Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 1997), 277-284.

³ Wahbah al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Damsyik: Dar al-Fikr, 2011), 508-527.

⁴ Siti Fatimah Saleh, Nadhirah Nordin, dan Siti Khadijah Ismail, “Analisis Pendidikan Darah Wanita dalam Kurikulum Rendah dan Menengah di Malaysia,” *TAMADDUN: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Keagamaan* 21, no. 1 (2020): 145–160, <https://doi.org/10.30587/tamaddun.v21i1.1386>.

sederhana dan memberi kesan langsung terhadap keyakinan dalam pelaksanaan ibadah, khususnya solat dan puasa.⁵

Dalam aspek amalan dan pendekatan fiqh, kajian lepas menegaskan bahawa kekeliruan berkaitan darah wanita turut berpunca daripada kurangnya kefahaman yang sistematik terhadap pengurusan bersuci dan perbezaan pandangan ulama. Nor Kartina dan Basri (2016)⁶ menekankan kepentingan pengurusan bersuci yang terbahagi kepada fasa sebelum, semasa dan selepas kedatangan darah wanita berdasarkan sumber syarak. Sementara itu, kajian komparatif terhadap hadis-hadis haid menunjukkan perbezaan pendekatan fiqh antara mazhab dalam mendefinisikan haid, menentukan usia pendarahan serta menetapkan larangan ketika haid, menjadikan perbincangan ini bersifat kompleks dan sukar difahami oleh masyarakat awam.⁷

Bagi mengatasi kerumitan tersebut, beberapa kajian mencadangkan penggunaan kaedah fiqh sebagai asas pemahaman hukum darah haid. Kajian oleh Mohd Farouq Nukman et al. (2022)⁸ membuktikan bahawa perbincangan fiqh darah haid sebenarnya berpaksikan kepada kaedah fiqh tertentu, walaupun tidak dinyatakan secara terus dalam karya-karya klasik. Pendekatan ini mampu memudahkan kefahaman dan mengurangkan kesilapan

⁵ Ahmad Wafee Sulaiman, dan Mohd Nasran Mohamad, "Students' Understanding on Menstruation and Istihadah: A Case Study at TATI University College, Kemaman," *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 33, no. 6 (2024): 103–120.

⁶ Nor Kartina Tawang, dan Basri Ibrahim, "Amalan Pengurusan Bersuci Darah-Darah Wanita Menurut Perspektif Islam," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 13, no. 2 (2016): 77–93, <https://doi.org/10.37231/jimk.2016.13.2.165>.

⁷ Anik Fauzizah dan Muhammad Masruri, "A Comparative Study of the Fiqh Approach to the Hadith on Menstruation," *Riwayah: Jurnal Studi Hadis* 9, no. 2 (2023): 385–416, <https://doi.org/10.21043/riwayah.v9i2.20119>.

⁸ Mohd Farouq Nukman bin Zamri, 'Ainul Mardhiah binti Zabidi, Norhijjah binti Siamil, dan Zul-Kifli bin Hussin, "Penerokaan Kaedah Fiqh dalam Perbincangan Fiqh Darah Haid: Kajian Terhadap Buku al-Ibanah wa al-Ifadhah fi Ahkam al-Haid wa al-Nifas wa al-Istihadah 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i," *Journal of Muwafaqat* 5, no. 1 (2022): 71–87, <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal>.

dalam pengaplikasian hukum, sekali gus menunjukkan keperluan kepada penyampaian ilmu darah wanita yang lebih tersusun dan aplikatif.

Selain itu, kajian yang mengintegrasikan perspektif sains, maqasid syariah dan kesihatan wanita turut memperkukuh justifikasi keperluan pengurusan haid yang holistik. Haid bukan sahaja dilihat sebagai fenomena fiqh, malah sebagai proses biologi semula jadi yang membawa manfaat kesihatan dan selari dengan maqasid syariah dalam memelihara jiwa dan keturunan.⁹ Dalam konteks kesihatan, penerokaan rawatan alternatif bagi masalah senggugut turut menonjolkan kepentingan kesejahteraan wanita sepanjang kitaran haid.¹⁰ Namun demikian, sorotan literatur mendapati masih wujud jurang dalam penyediaan medium praktikal berasaskan teknologi yang mengintegrasikan aspek fiqh, pendidikan dan pengurusan kitaran haid secara sistematik yang telah membuka ruang kepada kajian ini.

Aplikasi Mudah Alih Darah Wanita

Penggunaan teknologi mudah alih sebagai alat bantuan untuk memudahkan pelaksanaan sesuatu ibadah tidak dapat disangkal lagi pada masa kini¹¹ Tambahan pula, aplikasi-aplikasi yang dibangunkan bukan sahaja membantu penyempurnaan dalam pelaksanaan ibadah, tetapi juga membantu memberikan pemahaman yang lebih jelas.

⁹ Nur Asmadayana Hasim, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Rizafizah Othaman, Mohammad Zaini Yahaya, Rozida Khalid, dan Muhammad Adib Samsudin, "Haid daripada Perspektif Sains dan Maqasid Syariah (Menses from the Perspective of Science and Maqasid Syariah)," *Sains Malaysiana* 45, no. 12 (2016): 1879–1885, <https://doi.org/10.17576/jsm-2016-4512-12>.

¹⁰ Arshiya Sultana, Syed Lamatunoor, Mazherunnisa Begum, dan Q. N. Qhuddsia, "Management of Usr-i-Tamth (Menstrual Pain) in Unani (Greco-Islamic) Medicine," *Journal of Evidence-Based Complementary & Alternative Medicine* 22, no. 2 (2017): 284–293, <https://doi.org/10.1177/2156587215623637>.

¹¹ Zaidat Ibrahim, Pallavi Panchpor, Novia Nurain, dan James Clawson, "Islamically, I Am Not on My Period: A Study of Menstrual Tracking in Muslim Women in the US," dalam *Proceedings of the CHI Conference on Human Factors in Computing Systems (CHI '24)* (New York, NY: Association for Computing Machinery, 2024): 1–16, <https://doi.org/10.1145/3613904.3642006>.

Salah satu aplikasi mudah alih yang mendapat perhatian adalah aplikasi berkenaan darah wanita, yang dijangkakan akan berkembang sehingga tahun 2031.¹² Berbanding dengan aplikasi darah wanita secara biologikal atau mungkin untuk perancangan kehamilan atau kontrasepsi pemahaman darah wanita mengikut pandangan Islam adalah lebih mendalam dan memerlukan pemahaman yang jelas kerana sangat berkait rapat dengan pelaksanaan ibadah seperti solat, puasa, dan sebagainya.

Aplikasi-aplikasi popular di *Apple AppStore* dan *Google Play Store* seperti *Period Tracker*, *Flo*, *Clue*, *Eve*, dan sebagainya, menekankan pencatatan (*logging*) simptom, pencatatan kitaran darah, nota, peringatan tarikh haid, corak visualisasi, forum komuniti, maklumat kesihatan berkenaan darah dan rujukan dengan pakar kesihatan.¹³ Kebiasaannya, aplikasi-aplikasi ini akan mengumpul maklumat seperti tarikh kitaran haid supaya aplikasi boleh membuat perkiraan tarikh-tarikh penting dalam kitaran tersebut seperti ovulasi dan tarikh haid setiap bulan. Pelbagai data lain juga akan dikumpul dan dinilai melalui interaksi aplikasi dengan pengguna. Selain daripada ciri-ciri penting yang perlu ada dalam aplikasi ini berkenaan darah wanita, nilai-nilai reka bentuk juga perlu dibangunkan dengan serius supaya aplikasi yang dibangunkan menepati keperluan pengguna.¹⁴

¹² Reem M. Alwhaibi, Halla H. Alrwaily, Fadiyah A. AlJaloud, Sarah A. AlOfaisan, Norah F. AlSutami, Haneen M. AlEsa, Faisal M. Alessa, Ruqaiyah Khan, dan Tahani J. Alahmadi, "Mobile Applications Available in Saudi Arabia for the Management of Primary Dysmenorrhea: A Quality Review and Content Analysis," *PLoS ONE* 20, no. 6 (2025): e0325652, <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0325652>.

¹³ Anupriya Tuli, Surbhi Singh, Rikita Narula, Neha Kumar, dan Pushpendra Singh, "Rethinking Menstrual Trackers Towards Period-Positive Ecologies," dalam *Proceedings of the 2022 CHI Conference on Human Factors in Computing Systems (CHI '22)*, Article 283, 1–20. New York, NY: Association for Computing Machinery, 2022, <https://doi.org/10.1145/3491102.3517662>.

¹⁴ Nur Nadiah Abdul Manap, Siti Nur Hadis A. Rahman, Muhammad Fitri Ab Kadir, Qosrina Abdullah, Norly Marlia Kamaruddin, dan Mohammad Dzarul Hafiz Dol Malek, "Kajian Istihadah dalam Perspektif Fiqh Kontemporari: Masalah dan Penyelesaian," *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 10, no. 71 (2025): 440–447, <https://doi.org/10.55573/JISED.107133>.

Walau bagaimanapun, sorotan terhadap literatur terdahulu menunjukkan kelompangan yang jelas dalam perkaitan kajian darah wanita dalam Islam dan aplikasi mudah alih.¹⁵ Darah wanita dalam Islam juga boleh diklasifikasikan kepada beberapa jenis seperti haid, *istihādah*, dan tempoh suci.¹⁶ Setiap warna darah mempunyai pentafsiran yang berbeza serta melibatkan pelbagai pandangan daripada imam-imam besar dalam Islam yang memerlukan pemahaman yang jelas dalam kalangan wanita Muslim. Perkara ini tidak dibincangkan dan dipaparkan dengan sewajarnya dalam aplikasi sedia ada dalam pasaran.

Oleh yang demikian, dengan wujudnya kelompangan yang jelas ini, adalah sangat wajar satu kajian diwujudkan untuk mengetengahkan aplikasi yang bukan sahaja mengira dan memberi maklumat yang tepat kepada para wanita berkenaan darah dan Islam, tetapi juga menepati keperluan aplikasi darah wanita dalam Islam yang lengkap.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan kuantitatif berbentuk deskriptif bagi mengumpul data bagi memberikan gambaran yang jelas dan tepat mengenai keperluan pembinaan aplikasi kalendar fiqh haid dalam kalangan mahasiswi di institusi pengajian tinggi. Pemilihan sampel adalah mengikut kaedah persampelan rawak mudah yang terdiri daripada 411 orang pelajar dalam kalangan mahasiswi Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Pemilihan mahasiswi Islam sebagai sampel adalah kerana golongan ini merupakan kumpulan yang paling terkesan dengan permasalahan hukum fiqh haid, mempunyai keperluan praktikal yang tinggi dan

¹⁵ Zaidat Ibrahim, Pallavi Panchpor, Novia Nurain, dan James Clawson, “Islamically, I Am Not on My Period: A Study of Menstrual Tracking in Muslim Women in the US,” dalam *Proceedings of the CHI Conference on Human Factors in Computing Systems (CHI '24)*, 1–16. New York, NY: Association for Computing Machinery, 2024. <https://doi.org/10.1145/3613904.3642006>.

¹⁶ Nur Nadiah Abdul Manap, Siti Nur Hadis A. Rahman, Muhammad Fitri Ab Kadir, Qosrina Abdullah, Norly Marlia Kamaruddin, dan Mohammad Dzarul Hafiz Dol Malek, “Kajian Istihadah dalam Perspektif Fiqh Kontemporari: Masalah dan Penyelesaian,” *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 10, no. 71 (2025): 440–447, <https://doi.org/10.55573/JISED.107133>.

berpotensi memanfaatkan dan mengoptimumkan pembangunan aplikasi kalender fiqh haid secara efektif oleh kerana gologan mahasiswi Islam di IPT merupakan pengguna aktif teknologi dan aplikasi mudah alih.¹⁷

Instrumen kajian ini menggunakan borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian utama. Bahagian pertama iaitu demografi responden mengandungi tujuh item. Bahagian kedua berkaitan kefahaman berkaitan jenis darah haid, *Istihādah* dan darah fasad sebanyak 32 item. Akhir sekali bahagian ketiga iaitu keperluan aplikasi mudah alih penentuan darah haid, *Istihādah* dan fasad iaitu sebanyak 15 item. Kesemua item soal selidik ini telah diedarkan menggunakan platform *Google Form* kepada para responden.

Sebelum kajian sebenar dijalankan, item soal selidik yang dibina berdasarkan sorotan literatur telah disemak dan disahkan oleh dua orang pakar bidang iaitu pakar bidang fiqh haid wanita dan pakar bidang pembinaan aplikasi mudah alih. Setelah itu, kajian rintis telah dijalankan dengan memilih 30 orang responden dalam kalangan mahasiswi Islam. Keputusan kajian rintis yang dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 31.0 menunjukkan skor 0.932. Skor ini bukan sahaja menunjukkan kebolehpercayaan menurut pengukuran *Cronbach Alpha* tetapi selari dengan model pengukuran Rasch yang berasaskan Teori Respons Item. Berdasarkan Teori Respons Item pengukuran ini berupaya membuktikan kualiti item untuk tujuan pengukuhan kesahihan sesuatu instrumen yang yang dihasilkan berdasarkan pertimbangan tahap keupayaan individu (*person*) dan tahap kesukaran item. Dalam model pengukuran Rasch, sekiranya nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* yang dicatatkan adalah 0.61- 0.99, maka ianya adalah diterima.

ANALISA DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian yang dianalisa ini adalah hasil daripada analisis data soal selidik yang telah diedarkan kepada 411 responden wanita Muslim di institusi pengajian tinggi. Dapatan kajian dibahagikan

¹⁷ Shahrul Nazmi Sannusi, "Literasi Media dalam Kalangan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Isu Alam Sekitar," *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 36, no. 2 (2020): 124–142, <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3602-08>.

kepada beberapa bahagian utama yang merangkumi profil demografi responden, tahap pengetahuan, kefahaman dan keyakinan responden berkaitan darah wanita, masalah semasa dan keperluan terhadap aplikasi, serta hubungan antara faktor demografi dengan penggunaan aplikasi kalendar haid. Setiap bahagian dipersembahkan dalam bentuk jadual, rajah dan huraian terperinci untuk memudahkan pemahaman terhadap dapatan kajian. Analisis deskriptif dan inferensi digunakan untuk menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Dapatan kajian ini adalah penting untuk memahami keperluan sebenar pengguna dalam pembangunan aplikasi kalendar identifikasi darah wanita yang berasaskan Mazhab Syafie dan memenuhi keperluan wanita Muslim kontemporari.

Profil Demografi Responden

Bahagian pertama membentangkan profil demografi responden yang terlibat dalam kajian. Maklumat demografi ini penting untuk memahami latar belakang responden dan mengenal pasti corak penggunaan aplikasi kalendar haid dalam kalangan wanita Muslim di institusi pengajian tinggi.

Taburan Demografi Responden

Jadual 1.0: Penggunaan Aplikasi Kalendar Haid (N = 411)

Pembolehubah	Kategori	n	%
Jantina	Perempuan	411	100.0
Kumpulan Umur	Bawah 18 tahun	14	3.4
	18-24 tahun	395	96.1
	25-34 tahun	1	0.2
	35-44 tahun	1	0.2
Status Perkahwinan	Bujang	409	99.5
	Berkahwin	2	0.5
Tahap Pendidikan	SPM	40	9.7
	STPM/STAM	6	1.5
	Asasi/Matrikulasi	1	0.2
	Diploma	173	42.1
	Ijazah Sarjana Muda	189	46.0
	Ijazah Sarjana	2	0.5
Lokasi	Bandar	261	63.5
	Luar Bandar	150	36.5

Kajian ini melibatkan seramai 411 orang responden wanita Muslim di institusi pengajian tinggi. Dalam Jadual 1.0, Kesemua responden adalah perempuan (100%). Majoriti responden berumur antara 18 hingga 24 tahun (96.1%), diikuti oleh kumpulan bawah 18 tahun (3.4%). Bilangan responden dalam kumpulan umur 25-34 tahun dan 35-44 tahun adalah sangat kecil, iaitu masing-masing hanya seorang sahaja (0.2%). Taburan umur ini menunjukkan bahawa sampel kajian didominasi oleh wanita muda dalam lingkungan usia awal dewasa.

Dari segi status perkahwinan, hampir kesemua responden adalah bujang (99.5%), manakala hanya 2 orang sahaja (0.5%) yang sudah berkahwin. Keadaan ini adalah munasabah memandangkan majoriti responden adalah pelajar di peringkat pengajian tinggi yang masih dalam usia muda. Status bujang yang tinggi ini mencerminkan ciri-ciri populasi pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Berkaitan dengan tahap pendidikan, sebahagian besar responden sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda (46.0%) dan Diploma (42.1%). Seramai 40 orang responden (9.7%) memiliki kelayakan SPM, manakala bilangan responden dengan kelayakan STPM/STAM (1.5%), Asasi/Matrikulasi (0.2%), dan Ijazah Sarjana (0.5%) adalah sedikit sahaja. Taburan ini menunjukkan bahawa kajian berjaya menjangkau pelajar dari pelbagai peringkat pendidikan di institusi pengajian tinggi.

Dari aspek lokasi tempat tinggal, majoriti responden tinggal di kawasan bandar (63.5%), manakala selebihnya tinggal di kawasan luar bandar (36.5%). Perbezaan lokasi ini penting untuk memahami sama ada terdapat perbezaan dalam akses dan penggunaan teknologi aplikasi mudah alih antara responden bandar dan luar bandar. Taburan lokasi yang agak seimbang ini membolehkan kajian mendapat perspektif daripada kedua-dua kumpulan responden.

Maklumat terperinci mengenai profil demografi responden ditunjukkan dalam Jadual 1.0. Profil demografi ini menggambarkan sampel kajian yang sesuai untuk mengkaji keperluan pembangunan

aplikasi kalendar identifikasi darah wanita dalam kalangan wanita Muslim di institusi pengajian tinggi Malaysia.

Penggunaan Aplikasi Kalendar Haid Sedia Ada

Jadual 2.0: Penggunaan Aplikasi Kalendar Haid (N = 411)

Pembolehubah	Kategori	n	%
Penggunaan Aplikasi Haid	Ya	236	57.4
	Tidak	175	42.6
Tempoh Penggunaan (n = 236)	Kurang daripada 6 bulan	88	37.3*
	6 bulan - 1 tahun	58	24.6*
	1 - 3 tahun	60	25.4*
	Lebih 3 tahun	42	17.8*

Sumber: Hasil analisis menggunakan perisian SPSS versi 31.

Hasil kajian dalam Jadual 2.0 menunjukkan bahawa lebih separuh daripada responden (57.4%) pernah menggunakan aplikasi kalendar haid, manakala 42.6% tidak pernah menggunakannya. Peratusan penggunaan yang melebihi separuh ini menunjukkan bahawa kesedaran dan penerimaan terhadap teknologi aplikasi kalendar haid adalah tinggi dalam kalangan responden. Walau bagaimanapun, masih terdapat hampir separuh daripada responden yang belum pernah menggunakan aplikasi sedemikian.

Dalam kalangan 236 orang responden yang pernah menggunakan aplikasi kalendar haid, tempoh penggunaan mereka adalah berbeza-beza. Seramai 88 orang (37.3%) menggunakan aplikasi kurang daripada 6 bulan, menunjukkan bahawa mereka adalah pengguna baharu. Seramai 58 orang (24.6%) telah menggunakan aplikasi selama 6 bulan hingga 1 tahun, manakala 60 orang (25.4%) menggunakan aplikasi selama 1 hingga 3 tahun. Hanya 42 orang (17.8%) yang telah menggunakan aplikasi lebih daripada 3 tahun, menunjukkan bahawa mereka adalah pengguna yang berpengalaman dan konsisten.

Taburan tempoh penggunaan ini menunjukkan bahawa aplikasi kalendar haid masih dianggap sebagai teknologi yang agak baharu dalam kalangan responden. Majoriti pengguna (61.9%) telah

menggunakan aplikasi kurang daripada 1 tahun, menandakan bahawa penggunaan aplikasi ini semakin popular dalam tempoh kebelakangan ini. Maklumat mengenai penggunaan aplikasi kalendar haid sedia ada ditunjukkan dalam Jadual 2.0.

Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat potensi yang besar untuk membangunkan aplikasi kalendar identifikasi darah wanita yang lebih komprehensif dan sesuai dengan keperluan wanita Muslim. Walaupun ramai responden sudah biasa menggunakan aplikasi kalendar haid, keperluan untuk aplikasi yang khusus berpandukan hukum Islam masih wujud, terutamanya bagi responden yang belum pernah menggunakan sebarang aplikasi (42.6%) dan juga pengguna sedia ada yang mungkin mencari alternatif yang lebih sesuai dengan keperluan mereka daripada perspektif agama.

Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Keyakinan Responden

Konstruk bagi soal selidik Bahagian B dibahagikan kepada tiga konstruk utama iaitu konstruk pengetahuan umum, konstruk situasi dan konstruk keyakinan diri.

Konstruk Pengetahuan Umum bertujuan menilai tahap penguasaan responden terhadap fakta asas dan hukum-hukum teknikal berkaitan darah wanita menurut perspektif Mazhab Syafie. Soalan yang dikemukakan merangkumi pemahaman tentang tempoh minimum, maksimum, dan kebiasaan haid serta tempoh suci antara dua kitaran. Selain itu, instrumen ini mengukur pengetahuan responden dalam mengenal pasti lima warna darah haid, perbezaan antara darah haid dan *istihādah*, serta kepentingan merekod waktu dan sifat darah secara sistematik bagi tujuan penentuan hukum ibadah yang tepat.

Seterusnya, konstruk kefahaman berdasarkan situasi. Konstruk ini memfokuskan kepada keupayaan responden dalam mengaplikasikan hukum fiqh terhadap situasi klinikal atau masalah kitaran darah yang tidak menentu. Item dalam bahagian ini menilai kekerapan responden mengalami kekeliruan atau perasaan was-was dalam menentukan jenis darah, serta kesan situasi tersebut terhadap pelaksanaan mandi wajib. Responden juga dinilai berdasarkan tindakan praktikal mereka apabila menghadapi situasi darah

melebihi 15 hari, tatacara pelaksanaan ibadah semasa *istihādah*, serta kecenderungan untuk mendapatkan bimbingan daripada pakar atau pihak berautoriti agama.

Konstruk ketiga iaitu keyakinan diri. Konstruk ini mengukur tahap efikasi sendiri responden dalam menguruskan hal-hal berkaitan darah wanita serta keyakinan mereka terhadap ketepatan tindakan yang diambil. Penilaian merangkumi aspek keyakinan dalam membezakan jenis darah secara mandiri dan kemampuan untuk menyampaikan maklumat atau bimbingan yang betul kepada individu lain. Selain itu, konstruk ini meneliti perkaitan antara keyakinan responden dengan latar belakang pendidikan formal, seperti penyertaan dalam kelas fiqh wanita dan pemilikan sumber rujukan yang sahih dalam mendepani situasi yang meragukan.

Jadual 3.0: Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Keyakinan Responden (N = 411)


Konstruk	Min	SP	Tahap	n	%
Pengetahuan Umum	4.13	0.54	Tinggi	336	81.8
			Sederhana	74	18.0
			Rendah	1	0.2
Kefahaman Situasi	3.79	0.66	Tinggi	215	52.3
			Sederhana	189	46.0
			Rendah	6	1.5
Keyakinan Diri	3.69	0.83	Tinggi	203	49.4
			Sederhana	185	45.0
			Rendah	23	5.6

Nota: Interpretasi tahap berdasarkan skor min: 1.00-2.33 = Rendah, 2.34-3.67 = Sederhana, 3.68-5.00 = Tinggi.

Jadual 3.0 di atas menunjukkan tahap pengetahuan, kefahaman dan keyakinan responden. Pengetahuan umum mencatatkan skor min tertinggi (Min = 4.13, SP = 0.54) dengan 81.8% responden berada pada tahap tinggi. Kefahaman situasi mencatatkan skor min 3.79 (SP = 0.66) dengan 52.3% responden pada tahap tinggi dan 46.0% pada tahap sederhana. Manakala keyakinan diri mencatatkan skor min 3.69 (SP = 0.83) dengan 49.4% responden pada tahap tinggi dan 45.0% pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun responden mempunyai

pengetahuan asas yang baik, tahap kefahaman situasi dan keyakinan diri mereka masih boleh dipertingkatkan. Peratusan responden yang berada pada tahap sederhana bagi kefahaman situasi dan keyakinan diri menunjukkan keperluan untuk aplikasi yang dapat membantu meningkatkan pemahaman praktikal dan keyakinan responden dalam menguruskan isu darah wanita.

Graf 1.0: Min Skor Pengetahuan, Kefahaman dan Keyakinan Responden



Graf 1.0 menunjukkan perbandingan min skor bagi tiga konstruk utama. Pengetahuan umum mencatatkan skor tertinggi (Min = 4.13), diikuti oleh kefahaman situasi (Min = 3.79) dan keyakinan diri (Min = 3.69). Ketiga-tiga konstruk berada pada tahap tinggi, menunjukkan responden mempunyai asas yang baik dalam aspek pengetahuan, kefahaman dan keyakinan berkaitan darah wanita.

Permasalahan terhadap Aplikasi Darah Wanita Semasa dan Keperluan Aplikasi Kalendar Fiqh Haid

Bahagian ini membentangkan dapatan berkaitan masalah semasa yang dihadapi responden, tahap keperluan terhadap aplikasi, kesediaan dan kepercayaan responden, serta spesifikasi keperluan aplikasi yang dikehendaki. Maklumat ini penting untuk memahami

keperluan sebenar pengguna dalam pembangunan aplikasi kalendar identifikasi darah wanita.

Tahap Masalah Semasa dan Keperluan Responden Terhadap Aplikasi

Jadual 4.0: Tahap Masalah Semasa dan Keperluan Responden Terhadap Aplikasi (N = 411)

Item	Min	SP	Tahap
MSK1: Tidak sering gagal dapat jawapan cepat*	3.42	1.15	Sederhana
MSK2: Tidak sukar mengira tempoh haid dan suci*	3.62	1.14	Sederhana
MSK3: Perlukan alat bantu mudah dan cepat	2.88	1.32	Sederhana
MSK4: Sumber rujukan membantu*	3.50	1.17	Sederhana
MSK5: Sangat perlukan aplikasi	3.31	1.32	Sederhana
Min Keseluruhan Masalah & Keperluan	3.35	0.50	Sederhana

Nota: *Item telah di-reverse code. Skala: 1 = Sangat Tidak Setuju, 5 = Sangat Setuju. Interpretasi tahap: 1.00-2.33 = Rendah, 2.34-3.67 = Sederhana, 3.68-5.00 = Tinggi.

Secara keseluruhan, tahap masalah semasa dan keperluan responden terhadap aplikasi berada pada tahap sederhana dengan skor min 3.35 (SP = 0.50). Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.0, item yang mencatatkan skor min tertinggi ialah responden tidak mengalami kesukaran untuk mengira tempoh haid dan suci secara tepat setiap bulan (Min = 3.62, SP = 1.14), diikuti oleh sumber rujukan yang sedia ada membantu menyelesaikan kekeliruan (Min = 3.50, SP = 1.17), dan responden jarang gagal mendapat jawapan cepat bila keliru (Min = 3.42, SP = 1.15). Ketiga-tiga item ini menunjukkan bahawa responden tidak menghadapi masalah yang serius dalam aspek-aspek tersebut.

Namun begitu, terdapat dua item yang mencatatkan skor yang lebih rendah. Item tentang keperluan alat bantu yang mudah dan cepat untuk mengenal pasti jenis darah mencatatkan skor min 2.88 (SP = 1.32), manakala item tentang keperluan aplikasi untuk

menyelesaikan masalah kekeliruan mencatatkan skor min 3.31 (SP = 1.32). Kedua-dua item ini berada pada tahap sederhana dan menunjukkan bahawa walaupun responden tidak menghadapi masalah yang kritikal, mereka masih merasakan keperluan untuk mempunyai alat bantu yang lebih baik. Skor min yang sederhana ini menunjukkan bahawa terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam bentuk aplikasi yang dapat memudahkan proses pengenalpastian jenis darah dan memberikan jawapan yang cepat serta tepat kepada pengguna.

Sehubungan itu, dapatan menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan asas yang kukuh mengenai definisi haid dan tempoh maksimum 15 hari, namun menghadapi kekeliruan ketara dalam aspek hukum yang lebih kompleks. Sebagai contoh, item mengenai ketiadaan tempoh maksimum suci menunjukkan taburan respons yang tidak konsisten (32.1% tidak bersetuju), manakala 30.9% responden bersikap neutral terhadap persamaan hukum darah fasad dan *istihādah*. Masalah utama yang dihadapi adalah perasaan was-was dalam menentukan jenis darah (33.3% neutral) serta kesukaran menyelesaikan masalah haid tidak teratur (32.4% tidak bersetuju), yang menunjukkan keperluan mendesak terhadap aplikasi yang mampu memberikan penjelasan hukum yang lebih terperinci dan praktikal.

Potensi Pembangunan Aplikasi Kalendar Haid berdasarkan Kesediaan dan Kepercayaan Responden Terhadap Aplikasi Kalkulator Digital

Jadual 5.0: Tahap Kesiediaan dan Kepercayaan Responden Terhadap Aplikasi (N = 411)

Item	Min	SP	Tahap
KKA1: Bersedia guna aplikasi mudah alih	4.19	0.89	Tinggi
KKA2: Percaya aplikasi bantu keputusan hukum	4.14	0.87	Tinggi
KKA3: Yakin jika berasaskan hukum syarak	4.34	0.82	Tinggi
KKA4: Pernah guna aplikasi darah haid Islam	3.01	1.45	Sederhana

KKA5: Pernah syorkan aplikasi kepada rakan	2.75	1.43	Sederhana
Min Keseluruhan Kesiediaan & Kepercayaan	3.68	0.76	Tinggi

Nota: Skala: 1 = Sangat Tidak Setuju, 5 = Sangat Setuju. Interpretasi tahap: 1.00-2.33 = Rendah, 2.34-3.67 = Sederhana, 3.68-5.00 = Tinggi.

Tahap kesiediaan dan kepercayaan responden terhadap aplikasi secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi dengan skor min 3.68 (SP = 0.76). Jadual 5.0 menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju bahawa mereka lebih yakin jika panduan aplikasi dibangunkan berasaskan hukum syarak dan sumber sahih (Min = 4.34, SP = 0.82). Responden juga menunjukkan kesiediaan yang tinggi untuk menggunakan aplikasi mudah alih (Min = 4.19, SP = 0.89) dan percaya bahawa aplikasi boleh membantu keputusan hukum ibadah (Min = 4.14, SP = 0.87). Walau bagaimanapun, dua item mencatatkan skor yang rendah iaitu pengalaman pernah menggunakan aplikasi darah haid Islam (Min = 3.01, SP = 1.45) dan pernah mengesyorkan aplikasi kepada rakan (Min = 2.75, SP = 1.43). Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun responden bersedia dan mempercayai aplikasi, pengalaman sebenar menggunakan aplikasi khusus berkaitan darah haid dalam Islam masih terhad dalam kalangan mereka.

Taburan Frekuensi Item Kesiediaan dan Kepercayaan

Jadual 6.0: Taburan Frekuensi Item Kesiediaan & Kepercayaan (N = 411)

Item	STS	TS	N	S	SS	Min	SP
	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)		
KKA1: Bersedia guna aplikasi	8 (1.9)	11 (2.7)	51 (12.4)	166 (40.4)	175 (42.6)	4.19	0.89
KKA2: Percaya bantu keputusan	8 (1.9)	8 (1.9)	58 (14.1)	183 (44.5)	154 (37.5)	4.14	0.87
KKA3: Yakin jika berasaskan syarak	6 (1.5)	5 (1.2)	40 (9.7)	153 (37.2)	207 (50.4)	4.34	0.82

KKA4: Pernah guna aplikasi	99 (24.1)	51 (12.4)	86 (20.9)	96 (23.4)	79 (19.2)	3.01	1.45
KKA5: Pernah syorkan	123 (29.9)	55 (13.4)	97 (23.6)	75 (18.2)	61 (14.8)	2.75	1.43

Nota: STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, N = Neutral, S = Setuju, SS = Sangat Setuju.

Jadual 6.0 menunjukkan taburan frekuensi bagi 5 item kesediaan dan kepercayaan responden terhadap aplikasi. Responden menunjukkan persetujuan yang sangat tinggi bahawa mereka lebih yakin jika aplikasi berasaskan hukum syarak, dengan 50.4% sangat setuju dan 37.2% setuju. Kesediaan untuk menggunakan aplikasi mudah alih juga tinggi dengan 42.6% sangat setuju dan 40.4% setuju. Responden juga percaya bahawa aplikasi boleh membantu keputusan hukum dengan 44.5% setuju dan 37.5% sangat setuju. Walau bagaimanapun, pengalaman sebenar menggunakan aplikasi darah haid Islam adalah rendah, dengan 24.1% sangat tidak setuju dan 12.4% tidak setuju. Begitu juga dengan item pernah mengesyorkan aplikasi kepada rakan, dengan 29.9% sangat tidak setuju dan 13.4% tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan jurang antara kesediaan dan pengalaman sebenar.

Berdasarkan Jadual 6.0 menunjukkan terdapat potensi pembangunan yang sangat besar berdasarkan tahap kesediaan responden yang tinggi untuk menggunakan aplikasi mudah alih (83% setuju) dan kepercayaan bahawa teknologi tersebut dapat membantu dalam membuat keputusan hukum (82% setuju). Keyakinan responden meningkat secara signifikan (87.6% setuju) apabila aplikasi tersebut dibina berasaskan hukum syarak yang sah. Walau bagaimanapun, wujud jurang antara kesediaan dan pengalaman sebenar kerana majoriti responden belum pernah menggunakan (36.5% tidak bersetuju) atau mengesyorkan (43.3% tidak bersetuju) aplikasi berkaitan darah haid sebelum ini. Hal ini menunjukkan peluang luas bagi aplikasi baharu yang lebih dipercayai untuk mengisi ruang dalam pasaran digital Muslimah.

Spesifikasi Aplikasi Kalendar Fiqh Haid Berdasarkan Keperluan Responden

Taburan Frekuensi Item Spesifikasi Keperluan

Jadual 7.0: Taburan Frekuensi Item Spesifikasi Keperluan (N = 411)

Item	STS	TS	N	S	SS	Min	SP
	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)		
SKA1: Kira dan rekod automatik	17 (4.1)	18 (4.4)	58 (14.1)	130 (31.6)	188 (45.7)	4.10	1.07
SKA2: Panduan hukum Syafie	7 (1.7)	4 (1.0)	42 (10.2)	134 (32.6)	224 (54.5)	4.37	0.84
SKA3: Ruang konsultasi	5 (1.2)	5 (1.2)	51 (12.4)	140 (34.1)	210 (51.1)	4.33	0.83
SKA4: Mesra pengguna Muslimah	2 (0.5)	2 (0.5)	36 (8.8)	129 (31.4)	242 (58.9)	4.48	0.72
SKA5: Bahasa Melayu dan Inggeris	2 (0.5)	0 (0.0)	32 (7.8)	125 (30.4)	252 (61.3)	4.52	0.68

Nota: STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, N = Neutral, S = Setuju, SS = Sangat Setuju.

Jadual 7.0 menunjukkan taburan frekuensi bagi 5 item spesifikasi keperluan aplikasi. Kesemua item mencatatkan tahap persetujuan yang sangat tinggi. Item tentang keperluan Bahasa Melayu dan Inggeris mencatatkan persetujuan tertinggi dengan 61.3% sangat setuju dan 30.4% setuju. Item tentang aplikasi mesra pengguna untuk Muslimah juga mencatatkan 58.9% sangat setuju dan 31.4% setuju. Keperluan panduan hukum Mazhab Syafie mencatatkan 54.5% sangat setuju dan 32.6% setuju, manakala ruangan konsultasi mencatatkan 51.1% sangat setuju dan 34.1% setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden mempunyai jangkaan yang jelas dan konsisten tentang ciri-ciri penting yang perlu ada dalam aplikasi yang akan dibangunkan.

Sehubungan itu, berpandukan Jadual 7.0 responden menyatakan jangkaan yang sangat jelas dan konsisten terhadap ciri-ciri teknikal aplikasi, dengan keutamaan tertinggi diberikan kepada

sokongan dwibahasa (91.7% setuju) dan antaramuka yang mesra pengguna Muslimah (90.3% setuju). Selain itu, integrasi panduan hukum mengikut Mazhab Syafie (87.1% setuju) dan penyediaan ruangan konsultasi (85.2% setuju) dianggap sebagai spesifikasi kritikal bagi memenuhi keperluan pengguna. Fungsi pengiraan dan perekodan automatik juga mendapat persetujuan yang tinggi (77.3% setuju), membuktikan bahawa responden mengharapkan sebuah penyelesaian digital yang komprehensif, mudah dicapai, dan berautoriti dalam menguruskan rutin ibadah mereka.

Ringkasan Masalah Semasa, Keperluan dan Spesifikasi Aplikasi

Jadual 8.0: Ringkasan Masalah Semasa, Keperluan dan Spesifikasi Aplikasi (N = 411)

Konstruk	Min	SP	Tahap	n	%
Masalah Semasa & Keperluan	3.35	0.50	Sederhana	89	21.7
			Sederhana	316	76.9
			Rendah	6	1.5
Kesediaan & Kepercayaan	3.68	0.76	Tinggi	193	47.0
			Sederhana	203	49.4
			Rendah	15	3.6
Spesifikasi Keperluan	4.36	0.69	Tinggi	350	85.2
			Sederhana	59	14.4
			Rendah	2	0.5

Nota: Interpretasi tahap berdasarkan skor min: 1.00-2.33 = Rendah, 2.34-3.67 = Sederhana, 3.68-5.00 = Tinggi.

Jadual 8.0 menunjukkan ringkasan masalah semasa, keperluan dan spesifikasi aplikasi. Spesifikasi keperluan aplikasi mencatatkan skor min tertinggi (Min = 4.36, SP = 0.69) dengan 85.2% responden berada pada tahap tinggi. Kesediaan dan kepercayaan terhadap aplikasi mencatatkan skor min 3.68 (SP = 0.76) dengan 47.0% responden pada tahap tinggi dan 49.4% pada tahap sederhana. Manakala masalah masalah semasa dan keperluan mencatatkan skor min 3.35 (SP = 0.50) dengan 76.9% responden pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun responden tidak menghadapi masalah yang kritikal pada masa ini,

mereka sangat jelas tentang spesifikasi yang dikehendaki dan bersedia untuk menggunakan aplikasi yang memenuhi keperluan tersebut. Peratusan yang tinggi bagi spesifikasi keperluan menunjukkan bahawa pembangunan aplikasi perlu memberi tumpuan kepada ciri-ciri yang telah dikenal pasti sebagai penting oleh responden.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada wanita Muslim muda yang sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi. Golongan ini berada pada fasa kehidupan yang memerlukan kefahaman fiqh wanita yang tepat kerana mereka aktif dalam pelaksanaan ibadah harian seperti solat, puasa dan ibadah lain yang berkait secara langsung dengan status darah wanita. Para ulama fiqh menegaskan bahawa kejahilan dalam isu darah wanita boleh membawa kepada kecacatan ibadah, justeru penguasaan ilmu ini merupakan fardu 'ain bagi setiap wanita Muslim.¹⁸

Walaupun lebih separuh responden pernah menggunakan aplikasi kalendar haid, dapatan kajian menunjukkan bahawa aplikasi sedia ada belum mencukupi dari sudut panduan hukum Islam. Aplikasi tersebut kebanyakannya hanya berfungsi sebagai alat merekod kitaran biologi tanpa memberi penjelasan fiqh yang sahih. Dalam tradisi fiqh Islam, penentuan haid, *istihādah* dan suci tidak hanya bergantung kepada kiraan hari, tetapi turut melibatkan sifat darah, kebiasaan (*'ādah*) dan kaedah istinbat hukum yang terperinci.¹⁹ Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak terhadap aplikasi yang mengintegrasikan teknologi dengan kaedah fiqh Mazhab Syafie secara sistematik.

Tahap pengetahuan umum responden yang tinggi menunjukkan bahawa asas fiqh wanita telah sedia ada dalam kalangan responden. Namun, beberapa konsep seperti ketiadaan

¹⁸ Imam Nawawi, *Al-Majmu Syarah al-Muhazzab*, Tahqiq: Muhammad Najib Al-Muthi (Jakarta: Pustaka Azzam, 1997), 580-627, <https://archive.org/details/al-majmu-syarah-al-muhadzdzab/Al%20Majmu%E2%80%99%20Syarah%20Al%20Muhadzdzab%2002/page/n1/mode/2up>

¹⁹ Abd Allah ibn Ahmad ibn Muhammad Ibn Qudamah al-Maqdisi, *Al-Mughni* (Dar Alam Al-Kutub: Riyadh, 1997), 1:419-426.

tempoh maksimum suci dan hukum darah fasad masih menimbulkan kekeliruan. Hal ini bertepatan dengan pandangan ulama Mazhab Syafie yang menyatakan bahawa perbahasan darah wanita merupakan antara bab fiqh yang paling rumit kerana melibatkan banyak perincian hukum dan pengecualian.²⁰ Oleh itu, dapatan ini mengukuhkan keperluan kepada medium pembelajaran yang mampu menyampaikan hukum secara berperingkat dan berasaskan situasi sebenar.

Walaupun tahap kefahaman situasi berada pada tahap tinggi, responden masih mengalami keraguan apabila berhadapan dengan kes haid tidak teratur. Fenomena ini menunjukkan berlakunya kesukaran (*ḥaraj*) dalam pengamalan ibadah. Prinsip fiqh menyatakan bahawa “*kesukaran membawa kepada kemudahan*”, namun kemudahan ini hanya boleh diaplikasikan dengan bimbingan ilmu yang sahih.²¹ Aplikasi yang dibangunkan berasaskan prinsip ini dapat membantu wanita Muslim menguruskan ibadah tanpa terjebak dalam was-was atau kesilapan hukum.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden lebih yakin menguruskan diri sendiri berbanding memberi penjelasan kepada orang lain. Keadaan ini mencerminkan tradisi ilmu dalam Islam yang menekankan autoriti dan sanad ilmu dalam penyampaian hukum. Ulama menegaskan bahawa hukum-hakam berkaitan darah wanita tidak boleh ditentukan berdasarkan sangkaan semata-mata, sebaliknya perlu dirujuk kepada kaedah fiqh yang muktabar.²² (Ibn Hajar al-Haytami, 2001). Oleh itu, aplikasi yang menyediakan rujukan bersumberkan kitab muktabar berpotensi meningkatkan keyakinan pengguna tanpa menyalahi disiplin ilmu Islam.

²⁰ Abū Ishāq Ibrāhīm ibn ‘Alī al-Shīrāzī, *Al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 1:76-90.

²¹ Jalaluddin Abd al-Rahman al-Suyuti, *Al-Isybah wa al-Naza‘ir fī Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Shafi'iyyah* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. 1983), 84-88,

<https://archive.org/details/in.ernet.dli.2015.431894/page/n582/mode/1up>

²² Aḥmad ibn Muḥammad Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuḥfat al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj* (Beirut: Dār Ṣādir 1938), 1:383-398.

Tahap kesediaan dan kepercayaan responden yang tinggi terhadap aplikasi berasaskan hukum syarak menunjukkan penerimaan yang baik terhadap penggunaan teknologi sebagai wasilah ibadah. Dalam kerangka Maqasid al-Shariah, pembangunan aplikasi ini selari dengan objektif menjaga agama (*hifz al-din*) kerana ia membantu memastikan kesahihan pelaksanaan ibadah wanita Muslim.²³ Teknologi dalam konteks ini bukan menggantikan peranan ulama, tetapi berfungsi sebagai medium sokongan untuk memudahkan kefahaman dan pengamalan hukum.

Secara keseluruhan, dapatan kajian mengesahkan keperluan terhadap pembangunan aplikasi kalendar identifikasi darah wanita yang berasaskan Mazhab Syafie, mesra pengguna, serta berpandukan sumber fiqh muktabar. Aplikasi sedemikian bukan sahaja memenuhi keperluan praktikal wanita Muslim, malah berperanan sebagai alat tarbiah fiqh yang mampu mengurangkan kekeliruan, was-was dan kesilapan dalam ibadah. Pendekatan ini selari dengan keperluan fiqh wanita kontemporari yang menuntut integrasi antara ilmu turath dan teknologi moden.

PENUTUP

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa walaupun wanita Muslim di institusi pengajian tinggi mempunyai pengetahuan asas yang baik berkaitan darah wanita namun masih wujud kekeliruan dalam aplikasi hukum fiqh secara praktikal khususnya dalam situasi haid tidak teratur. Dapatan kajian turut menunjukkan tahap kesediaan dan kepercayaan yang tinggi terhadap penggunaan aplikasi berasaskan hukum syarak sekaligus menunjukkan keperluan penting terhadap pembangunan aplikasi kalendar identifikasi darah wanita yang berpandukan Mazhab Syafie. Pembangunan aplikasi kalendar fiqh haid berpotensi menjadi medium bimbingan fiqh yang praktikal, mengurangkan was-was dalam ibadah serta menyokong pelaksanaan Maqasid al-Shariah, khususnya dalam aspek pemeliharaan agama sebagai seorang Muslimah.

²³ Ibrahim Ibn Musa Abu Ishaq Al-Syatibi, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah* (Misr Matba'at al maktabah al-tujariyah, Universiti Toronto, 1920), 42-48, <https://archive.org/details/almuwafaqatfiusu01shibuoft/page/2/mode/1up> <https://archive.org/details/almuwafaqatfiusu01shibuoft/page/2/mode/1up>.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan penghargaan atas sokongan kewangan yang disediakan oleh Geran Semarak Penyelidikan UiTM Cawangan Perlis: 600-UiTMPs (PJI/UPP-GSP05 2024) bagi kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Manap, Nur Nadiah, Siti Nur Hadis A Rahman, Muhammad Fitri Ab Kadir, Qosrina Abdullah, Norly Marlia Kamaruddin, and Mohammad Dzarul Hafiz Dol Malek. “Kajian Istihadah dalam Perspektif Fiqh Kontemporari: Masalah dan Penyelesaian.” *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 10, no. 71 (2025): 440–447.
<https://doi.org/10.55573/JISED.107133>
- al-Haytamī, Aḥmad ibn Muḥammad Ibn Ḥajar. *Tuḥfat al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj*. Jil. 1. Beirut: Dār Ṣādir, t.t.
- al-Shatibi, Abu Ishaq. *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah*. Kaherah: Dar Ibn ‘Affan, 2004.
- al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm ibn ‘Alī. *Al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*. Jil. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- al-Syarbini, Muhammad al-Khatib. *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 1997.
- Alwhaibi, Reem M., Halla H. Alrwaily, Fadiyah A. AlJaloud, Sarah A. AlOfaisan, Norah F. AlSutami, Haneen M. AlEssa, Faisal M. Alessa, Ruqaiyah Khan, dan Tahani J. Alahmadi. “Mobile Applications Available in Saudi Arabia for the Management of Primary Dysmenorrhea: A Quality Review and Content Analysis.” *PLoS ONE* 20, no. 6 (2025): e0325652.
<https://doi.org/10.1371/journal.pone.0325652>.
- al-Zuhaili, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr, 2011.
- Chen, Y., Chen, S., and Lin, C. “Mobile health applications for menstrual cycle tracking: A systematic review.” *Journal*

- of Medical Systems* 44, no.4 (2020): 1–12.
<https://link.springer.com/article/10.1007/s10916-020-1531-9>.
- Fauzizah, Anik and Muhammad Masruri. “A Comparative Study Of The Fiqh Approach To The Hadith On Menstruation.” *Riwayah : Jurnal Studi Hadis* 9, no. 2 (2023): 385–416.
<http://dx.doi.org/10.21043/riwayah.v9i2.20119>.
- Hakim, Abdul, Ridzwan Ahmad, dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. “Comparison of Fatwas on the Use of Menstrual Delay Medications for Women During Ramadan Between Dar al-Iftha' al-Misriyyah and the Indonesian Ulema Council (MUI) from the Perspective of Maqasid al-Shari'ah.” *Millah: Journal of Religious Studies* 24, no. 1 (2025): 529–572. DOI: 10.20885/millah.vol24.iss1.art15.
- Hasim, Nur Asmadayana, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Rizafizah Othaman, Mohammad Zaini Yahaya, Rozida Khalid, dan Muhammad Adib Samsudin. “Haid daripada Perspektif Sains dan Maqasid Syariah (Menses from the Perspective of Science and Maqasid Syariah).” *Sains Malaysiana* 45, no. 12 (2016): 1879–1885.
https://www.ukm.my/jsm/pdf_files/SM-PDF-45-12-2016/12%20Nur%20Asmadayana.pdf.
- Ibrahim, Zaidat., Pallavi Panchpor, Novia Nurain, dan James Clawson. “Islamically, I Am Not on My Period: A Study of Menstrual Tracking in Muslim Women in the US.” dalam *Proceedings of the CHI Conference on Human Factors in Computing Systems (CHI '24)* (New York, NY: Association for Computing Machinery, 2024), 1–16.
<https://doi.org/10.1145/3613904.3642006>.
- Lupton, D. “Quantified sex: A critical analysis of sexual and reproductive self-tracking using apps.” *Culture, Health & Sexuality* 17, no. 4 (2015): 440–453.
<https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/13691058.2014.920528>.
- Nurhikmah, Meli, Siti Badi'ah, dan Fitri Windari. “Analisis Haid Dan Nifas Dalam Perspektif Tafsir Al-Kabir Mafatihul Ghaib.” *Al-Bayan: Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Hadist* 8, no. 2 (2025): 178–198.
<https://doi.org/10.35132/albayan.v8i2.1276>.

- Salleh, Siti Fatimah Nadhirah Nordin dan Siti Khadijah Ismail. "Analisis pendidikan darah wanita dalam kurikulum rendah dan menengah di Malaysia." *TAMADDUN (Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Keagamaan)* 21, no. 1 (2020): 145-160. <https://doi.org/10.30587/tamaddun.v21i1.1386>.
- Sekaran, U., and Bougie, R. *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach* (7th ed.). Chichester: Wiley, 2016.
- Sulaiman, Ahmad Wafee, and Mohd Nasran Mohamad. "Students' Understanding On Menstruation And Istihadah: A Case Study At Tati University College, Kemaman: Kefahaman Pelajar Mengenai Darah Haid Dan Istihadah: Kajian Kes Di Kolej Universiti Tati, Kemaman." *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 33, no. 6 (2024): 103-20. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/1071>.
- Sultana, Arshiya, Syed Lamatunoor, Mazherunnisa Begum, and Q. N. Qhuddsia. "Management of Ushr-i-Tamth (Menstrual Pain) in Unani (Greco-Islamic) Medicine." *Journal of Evidence-Based Complementary & Alternative Medicine* 22, no. 2 (2017): 284–293. <https://doi.org/10.1177/2156587215623637>.
- Syafei, Ahmad Khomaini, and Ni'matul Maula. "Women's Fiqh About Menstrual Blood, Postpartum, And Istihadoh." *Marwah: Jurnal Perempuan, Agama dan Jender* 24, no. 1 (2025): 72–82. DOI: 10.24014/Marwah.v24i1.30304.
- Tawang, Nor Kartina and Basri Ibrahim. "Amalan Pengurusan Bersuci Darah-Darah Wanita Menurut Perspektif Islam." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 13 (2016): 87. <https://doi.org/10.37231/jimk.2016.13.2.165>.
- Tuli, Anupriya, Surbhi Singh, Rikita Narula, Neha Kumar, dan Pushpendra Singh. "Rethinking Menstrual Trackers Towards Period-Positive Ecologies." Dalam *Proceedings of the 2022 CHI Conference on Human Factors in Computing Systems (CHI '22)*, Article 283, 1–20. New York, NY: Association for Computing Machinery, 2022. <https://doi.org/10.1145/3491102.3517662>.
- Zamri, Mohd Farouq Nukman, 'Ainul Mardhiah Zabidi, Norhijjah Siamil, dan Zul-Kifli Hussin. "Penerokaan Kaedah Fiqh

dalam Perbahasan Fiqh Darah Haid: Kajian Terhadap Buku al-Ibanah wa al-Ifadhah fi Ahkam al-Haid wa al-Nifas wa al-Istihadhah ‘Ala Mazhab al-Imam al-Syafi’i.” *Journal of Muwafaqat* 5, no. 1 (2022): 71–87. <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal>.